

15 JUL 1997

#### PELABUR TEMPATAN PERLU INSURANKAN PROJEK PELABURAN DI LUAR NEGARA

PARIT, 15 Julai (Bernama) -- Para pelabur tempatan, yang bercadang untuk melabur di luar negeri dinasihati supaya menginsurankan projek pelaburan mereka bagi memastikan mereka tidak menanggung beban risiko sekiranya berlaku sebarang masalah di negara berkenaan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata tindakan ini perlu bagi mengelakkan kerugian yang tinggi dan kerugian itu dapat diagih-agihkan dengan pihak lain.

Walau bagaimanapun sebelum para pelabur tempatan melabur ke luar negara, mereka perlu memastikan syarikat mereka mempunyai ketahanan untuk menghadapi sebarang cabaran, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Surau Habibatul Islamiah Changkat Semanton Kampung Serapoh, Mukim Blanja dekat sini petang semalam.

Rafidah berkata selain itu mereka juga perlu sanggup menunggu pulangan hasil yang lama, menghadapi sebarang gangguan sementara kerana kekacauan dan sebagainya, dan meneliti kajian dan risiko yang akan dihadapi di negara yang akan mereka terokai.

"Mereka tidak sepatutnya hanya meneliti risiko pasaran, tetapi juga kemungkinan ketidak stabilan politik dan pentabiran negara tersebut, terutama berdasarkan sejarah negara itu," katanya.

Rafidah berkata dalam menghadapi keadaan tidak tenteram di Kemboja, para pelabur tempatan yang melabur dalam projek pembangunan hartanah, perladangan, perindustrian dan prasaran tidak sepatutnya menarik diri daripada meneruskan usaha pelaburan yang mereka telah jalankan memandangkan ianya hanya untuk jangka waktu yang singkat.

" Jika mereka menarik balik (pelaburan), mereka tidak akan dapat sebarang hasil langsung memandangkan projek tersebut boleh disambung semula apabila keadaan (di Kemboja) mulai stabil. Bagi projek yang membabitkan kepentingan pihak sana (Kemboja), ianya berkemungkinan disambung semula setelah keadaan mulai aman," katanya.

Rafidah berkata Malaysia pernah mengalami keadaan kekacauan kaum satu masa lalu yang mengakibatkan pelabur-pelabur lari ke luar, telah membuktikan negara ini boleh bangkit semula dengan pelaksanaan dasar-dasar sewajarnya, katanya.

"Begitu juga dengan keadaan di negara lain...asalkan kita ada keyakinan dan ketahanan untuk menunggu masa yang sesuai," katanya.

Beliau berkata pelabur-pelabur tempatan tidak sepatutnya patah semangat untuk melabur di luar negeri dengan apa yang terjadi di Kemboja memandangkan ianya merupakan kesan jangka pendek dan sederhana.

Selain daripada itu, masih banyak negara lain yang mempunyai potensi yang besar untuk diterokai, katanya.

Rafidah juga berkata mereka yang melabur di luar negeri perlu melihat pelaburan mereka daripada perspektif jangka panjang memandangkan mereka melabur dengan pelaburan yang besar dengan pulangan mengambil masa yang panjang.

" Jika (para pelabur) tidak ada perspektif jangka panjang sukar bagi mereka untuk bertapak di luar negara," katanya.

Rafidah bagaimanapun mengingatkan bakal pelabur tempatan supaya membuat keputusan untuk melabur di sesebuah negara luar berdasarkan fakta dan membuat kajian terperinci, selain berhati-hati sebelum menandatangani sebarang perjanjian persefahaman.

Selanjutnya, mereka perlu memperuntukkan di dalam perjanjian bagaimana

akan menghadapi sebarang kemungkinan bagi memastikan projek yang terbabit akan terjamin jika berlaku sesuatu yang tidak diingini, katanya.

Mengenai polisi perladangan Indonesia yang membekukan pelaburan luar negara sejak November lepas, Rafidah berkata kerajaan telah menggunakan semua salurannya meminta kerajaan Indonesia mengkaji semula peraturan tersebut.

" Bukan sahaja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed telah berbincang dengan Presiden Suharto, malah saya telah menghantar surat dan memaklumkan kepada rakan sejawat saya dan juga Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dengan rakan sejawat," katanya

Beliau berkata kerajaan Malaysia masih menunggu jawapan daripada kerajaan Indonesia, dan kerajaan tahu yang mereka sedar akan hasrat kerajaan Malaysia.

Katanya, kerajaan Indonesia diharapkan dapat memberi pertimbangan kepada permohonan yang dibuat oleh syarikat besar Malaysia yang telahpun melabur di Indonesia dan mempunyai rekod kejayaan yang baik.

" Ini adalah kerana mereka mempunyai perancangan jangka panjang dan memerlukan pembanguan fasa yang berterusan, dan jika mereka tidak dibenarkan meneruskan projek mereka, ia akan memberi kesan kepada daya hidup dan keuntungan projek itu," katanya. -- BERNAMA.

HK OS